

10 AUG 2000

Abu Hassan>Nama

UMNO SELANGOR AKAN KEMUKAKAN 10 NAMA CALON MB BARU

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Selangor dijangka mengemukakan 10 nama dari kalangan Exco Kerajaan Negeri dan Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Umno kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok sebagai nama cadangan untuk jawatan menteri besar Selangor yang baru.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib akan mengetuai serombongan tiga atau empat anggota badan itu berjumpa Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno di Putrajaya kira-kira pukul 8 pagi esok.

Menurut sumber nama-nama itu terdiri daripada empat Anggota Exco Kerajaan Negeri dan enam ADUN yang memegang jawatan ketua Umno di bahagian masing-masing.

Muhammad pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas badan itu tengah hari ini enggan menyatakan nama-nama mereka atau pun bilangannya.

Bagaimanapun difahamkan bahawa pada mesyuarat itu ada disebutkan nama-nama empat Exco dan enam ADUN itu, untuk dikemukakan kepada Dr Mahathir berikutan peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar sebagai menteri besar.

Exco-exco dari Umno dalam Kerajaan Negeri Selangor ialah Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad selaku pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan, Datuk Abdul Fatah Iskandar (pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana dan Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan).

Datuk Mohd Sharif Jajang (pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Jawatankuasa Tetap Penerangan dan Teknologi Maklumat), Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan (pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jawatankuasa Tetap Setinggan).

Datuk Haji Raja Ideris Raja Ahmad (pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dan Jawatankuasa Tetap Pertanian dan Perikanan) dan (Puan) Norkhaila Jamaluddin (pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Jawatankuasa Tetap Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat).

ADUN-ADUN Umno yang menjadi ketua bahagian selain Exco-exco itu ialah Datuk Mohd Idris Abu Bakar (Hulu Selangor), Datuk Zakaria @ Zainal Md Deros (Klang), Datuk Mohd Satim Diman (Puchong), Datuk Mufti Suib (Ampang), Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman (memangku Ketua Umno Selayang) dan Datuk Salamon Selamat (Shah Alam).

-- BERNAMA

MNY RI